

NO. SOALAN: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 21 MEI 2015

RUJUKAN : 7881

SOALAN:

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa buku bertajuk 'Kristianisasi dan Gejala Murtad' yang ditulis oleh Mohd Farhan bin Abdullah yang mengkritik agama Kristian masih dijual di kedai-kedai buku seluruh Persekutuan Malaysia sedangkan buku yang bertajuk 'The Golden Son of the Kadazan" satu buku yang memaparkan biografi secara ringkas mengenai mendiang Datuk Peter J. Mojuntin masih diharamkan dan dianggap sebagai menggugat keselamatan nasional sejak 1978.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penerbitan bertajuk “The Golden Son of the Kadazan” karya Bernard Sta Maria telah dikenakan tindakan perintah larangan di bawah Perintah Keselamatan Dalam Negeri (Tegahan Mengenai Penerbitan) mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Tindakan pewartaan ini telah dibuat pada 22 Jun 1978 kerana mungkin memudaratkan kepentingan negara serta keselamatan Persekutuan dan ditegah pengedarannya di seluruh Malaysia.

Kementerian Dalam Negeri masih lagi mengekalkan keputusan Perintah Larangan terhadap penerbitan bertajuk “The Golden Son of the Kadazan” kerana buku tersebut masih lagi boleh memudaratkan kepentingan negara serta keselamatan Persekutuan.

Penerbitan ini dikenakan perintah larangan kerana mengandungi kritikan yang melampau terhadap Kerajaan Persekutuan yang antaranya didakwa membuat keputusan tertentu yang sewenang-wenangnya di Sabah. Selain itu, ia amat cenderung kearah mencetuskan pergeseran dan perbalahan di kalangan rakyat Malaysia terutamanya di kalangan penganut agama Kristian dan agama Islam. Dengan yang demikian kandungan buku ini dikhuatiri boleh memudarat atau mungkin

memudaratkan keselamatan dan ketenteraman awam jika tidak dikenakan Perintah Larangan.

Merujuk kepada buku bertajuk “Kristianisasi dan Gejala Murtad” oleh Mohd Farhan bin Abdullah, Kementerian mendapati isi kandungan buku berkenaan memaparkan kisah hidup dan pengalaman penulis ketika masih lagi beragama Kristian sehingga beliau memeluk agama Islam. Ia juga memaparkan kehidupan penulis semasa masih beragama Kristian sebagai ‘sempadan’ kepada umat Islam. Walau bagaimanapun, Kementerian masih lagi meneliti dengan lebih lanjut buku ini, sama ada ianya menyalahi peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 atau sebaliknya.

SOALAN (65)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 21 MEI 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keluasan dan peratusan tanah penggunaan awam (public space) seperti taman rekreasi, perpustakaan dan sebagainya di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada keluasan kawasan dipaparkan pada peta Draf Kota Kinabalu Local Plan 2020 (DKKPL2020) yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu menunjukkan jumlah keluasan kawasan *Conservation, Open Space & Recreation* adalah 1,800 hektar, di mana keluasan keseluruhan kawasan DKKLP2020 adalah lebih kurang 13,800 hektar. Peratus (%) keluasan kegunaan awam seperti taman rekreasi, rekreasi paya bakau, perpustakaan dan sebagainya adalah berjumlah 13%.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2015